

30/06/2001

Petronas bukti keupayaan Bumiputera

DARIPADA asalnya sebuah syarikat kecil yang tiada langsung kepakaran dalam usaha cari gali minyak dan terpaksa bergantung kepada syarikat besar asing, Petronas hari ini melonjak sebagai syarikat minyak multinasional yang dikagumi. Berbanding syarikat minyak negara lain yang biasanya mengambil masa sehingga 100 tahun untuk menjadi syarikat minyak multinasional, kejayaan yang dicapai Petronas dalam masa lebih sedikit daripada 25 tahun tentulah menjadi kebanggaan rakyat Malaysia keseluruhannya. Ia tidak hanya menunjukkan Malaysia berupaya mempelajari dan seterusnya menguasai sesuatu kepakaran itu dalam masa singkat, malah mampu berjaya pada peringkat dunia. Permintaan sebilangan besar negara asing agar Petronas menjalankan usaha mencari gali minyak di negara berkenaan adalah bukti pengiktirafan antarabangsa terhadap syarikat petroleum kebangsaan itu.

Hari ini, program peluasan antarabangsa sejak 1990 menyaksikan Petronas melebarkan sayapnya dengan menjalankan usaha cari gali minyak di 25 negara hinggan 30 peratus daripada pendapatannya adalah daripada pelaburan asing. Selain didorong oleh usaha kerajaan sendiri, tidak mungkin kejayaan sebesar itu dicapai tanpa kebijaksanaan dan iltizam pengurusan Petronas yang tidak mengenal erti jemu selama ini. Sesungguhnya tiada pelaburan yang tidak mempunyai risiko dan kredit harus diberikan kepada keberanian pengurusan Petronas membuat pelaburan di negara berisiko seperti Sudan yang turut membantu syarikat itu mencapai kejayaan cemerlang. Kedudukan itu juga memberi imej baik bagi negara kerana Petronas adalah pembawa bendera Malaysia pada peringkat dunia.

Kelmarin, Petronas mengumumkan keuntungan sebelum cukai tertinggi dalam sejarah 27 tahun penubuhannya, iaitu RM29.02 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac lalu - peningkatan 34.3 peratus daripada tahun sebelumnya. Ini bukan saja membolehkan Petronas muncul sebagai gergasi minyak Asia, malah memberi saingan kepada syarikat antarabangsa seperti Shell, Esso dan BP. Dari segi jangka panjang pula, Petronas dijangka muncul antara syarikat minyak gergasi antarabangsa yang semakin kukuh kedudukannya. Berbanding kedudukannya pada tangga ke-474 daripada 500 perbadanan terbesar dunia yang disenaraikan majalah Fortune pada Julai tahun lalu, Petronas harus mendaki kedudukan lebih baik selepas ini.

Sesungguhnya banyak iktibar yang boleh diambil daripada pencapaian gemilang syarikat petroleum kebangsaan itu. Sebagaimana dirumuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia sebagai sebuah negara kecil mampu berdiri sama tinggi dengan negara lain kerana kejayaan Petronas. Ia menjadi bukti bahawa cita-cita besar untuk memacu Malaysia menjadi negara maju seperti yang disasarkan dalam Wawasan 2020 boleh menjadi realiti asalkan usaha bersungguh-sungguh dilakukan. Di samping itu, ia turut menunjukkan pengurusan Bumiputera juga berkeupayaan. Harus diakui bukan mudah untuk mengurus syarikat gergasi seperti Petronas, apatah lagi dengan saingan sengit yang dihadapinya daripada syarikat multinasional lain. Tetapi dengan diberi peluang, tambahan pula dengan penggunaan strategi bertepatan, Petronas menjadi bukti bahawa pengurusan Bumiputera tidak harus selamanya dimomokkan.

(END)